

# Bicara buku medium perkongsian ilmu

UB 23.4.2017 B5

**K**ELAB Sastera Mahasiswa (Karma) Universiti Malaysia Sabah, sekali lagi melancarkan Program Bicara Buku dalam usaha membudayakan perkongsian ilmu dan pemikiran dalam kalangan masyarakat.

Bertempat di Blok Seni, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW), UMS, seramai 35 orang peserta terdiri daripada mahasiswa, pensyarah, dan masyarakat luar hadir pada program yang telahpun memasuki minggu ketujuh penganjurannya itu.

Perkongsian kali ini menampilkan tiga orang panel iaitu Farahani Mahadi dengan buku pilihannya "Wanita Berfikirlah Seperti Lelaki" karya Steve Harvey, Sabir Syarifuddin membicarakan buku "Laskar Pelangi" nukilan

**“Semakin lama, semakin ramai bertanya tentang program bicara buku, dan malam ini dibuktikan bahawa makin ramai penyertaan daripada kalangan mahasiswa, pensyarah dan orang luar.”**

## MUKMIN NANTANG

Presiden Karma

Andrea Hirata dan Jovina Jounin membentangkan buku bertajuk "Catatan Matluthfi" karya Mat Luthfi.

Program itu diselenggarakan oleh Mohd Hafis Alim yang berperanan sebagai moderator.

Presiden Karma Mukmin Nantang, berkata program itu semakin mendapat sambutan daripada orang ramai.

"Semakin lama, semakin ramai bertanya tentang program bicara buku, dan malam ini dibuktikan

bahawa makin ramai penyertaan daripada kalangan mahasiswa, pensyarah dan orang luar.

"Minggu sebelum-sebelum ini juga sudah dibuktikan matlamat program ini adalah untuk membudayakan masyarakat membudayakan membaca buku," katanya.

Sepanjang berlangsungnya program Bicara Buku itu, para peserta meraih perkongsian ilmu melalui pandangan, persoalan, perdebatan yang mana



**SEBAHAGIAN** peserta yang hadir merakam gambar kenangan selesai program itu.

telah merencanakan lagi pertembungan pemikiran peserta terlibat.

Bagi Azwan salah seorang ahli Karma, karya jujur adalah yang tidak bertujuan

komersil dan populariti, sebaliknya apa yang perlu adalah nilai yang diangkat dalam sesebuah karya itu untuk santapan masyarakat.

"Mengajak seseorang

itu mengikut aliran jantina sangat sesuai untuk memahami, namun cara yang lebih baik dan relevan adalah berfikir secara manusia," kata Addy

Samsuddin, salah seorang peserta yang hadir.

Sementara itu, Pensyarah FKSW Sharifuddin Zainal berpendapat, sebaik-baik karya adalah karya yang jujur, karya yang bercerita tentang kebenaran dapat membuka mata masyarakat dan secara automatik dapat melebarkan aksi solusi.

Program sebegini akan diteruskan lagi bagi membudayakan pemikiran kritis dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat amnya.

Justeru, penyertaan daripada masyarakat, para intelektual dan pendahaga ilmu sangat dialu-alukan bagi meraih ilmu yang bakal dikongsikan; kritikan, ideologi ataupun pandangan bagi membina generasi millennium yang kritis dalam segala hal. – *Artikel Sumbangan SABIR SYARIFUDDIN*